

## Hak dan Kewajipan Suami Isteri dalam Islam

### (2)

Maslaah isteri nusyuz (ingkar), yang kadang-kadang “digantung tidak bertali”, masalah beristeri lebih dari satu atau “poligami”, dan masalah talak, selalu menjadi perbincangan masyarakat.

Masalah-masalah ini telah dihuraikan oleh Dr. Ali Abdul Wahid Wafi, Mesir, dalam bukunya “*Bayt al-tā’ah wa ta’addud al-zawjāt, wa al-talāq fī al-Islām*”. Huraian yang berharga ini kita siarkan di sini dengan harapan menjadi penerangan yang berguna tentang kedudukan masalah-masalah itu yang sebenarnya.

(Diterjemahkan oleh: Abdullah Basmeh)

#### Natijah-natijah yang meruntuhkan

#### kiranya peraturan “*bayt al-tā’ah*” dihapuskan

Kalau orang-orang yang membantah terhadap peraturan “*bayt al-tā’ah*” (rumah tangga suami yang wajib ditaati, dan yang hanya dikenakan kepada isteri yang nusyuz), kalaulah mereka memikirkan natijah-natijah yang meruntuhkan yang bakal terbit dari penghapusannya, tentulah mereka tidak membantahnya, kerana kalaulah peraturan (yang berupa undang-undang) ini dihapuskan, maka perkara-perkara yang tergambar pada akal untuk menjadi tapak tempat berdirinya sesuatu keluarga, tidak akan terkeluar daripada tiga perkara:

Pertama – si isteri akan mempunyai kebebasan yang mutlak untuk tinggal serumah dengan suaminya atau tidak. Dan apabila ia enggan tinggal serumah dengannya ia akan tetap menjadi isterinya, dari segi

undang-undang, dalam pada itu ia tetap tinggal berasing, dan hakim tidak berhak masuk campur. Ini ialah setinggi-tinggi perbuatan yang bermaharajalela (yang melanggar peraturan dan undang-undang), baik dari segi masyarakat atau dari segi undang-undang. Dengan jalan ini akan menjadilah rumah tangga sebagai tempat tinggal sementara atau sebuah hotel untuk si isteri tinggal di dalamnya jika ia suka dan keluar dari situ untuk tinggal di tempat lain pula bila ia suka dan dikehendaki oleh hawa nafsunya, dengan tiada perbuatan yang demikian menyentuh akad perkahwinan, dan dengan tidak undang-undang itu dapat melakukan sesuatu terhadapnya.

Si isteri, dalam hal ini akan menikmati segala haknya dan kebebasannya dengan tidak menanggung sebarang kewajipan, dan tidak terhad kebebasannya dengan sebarang ikatan. Kedudukan yang bermaharajalela ini tidak ada

bandingannya hatta kepada haiwan dan burung-burung yang hidup berpasangan. Kedudukan perkara yang sedemikian ini tidak dapat diamalkan oleh sebarang masyarakat dengan tidak membawa kepada terhapusnya peraturan berkeluarga itu sendiri.

Kedua – akan dipisahkan di antara kedua suami isteri sebaik-baik sahaja si isteri berlaku nusyuz (ingkar) dan kelihatan bahawa ia tidak suka lagi hendak bersekududukan dengan suaminya. Ini bermakna, bahawa kita telah meletakkan talak di tangan isteri yang akan dijatuhkannya pada bila-bila masa ia kehendaki, dan bahawa kita telah memindahkannya dari tangan suami menurut bentuknya yang terikat dengan beberapa ikatan dan kewajipan-kewajipan, ke tangan si isteri dalam bentuk yang lepas bebas, tidak diikat oleh sebarang ikatan, dan ia (isteri) tidak mahu tunduk melainkan kepada kehendak hatinya dan perasaannya. Rasanya tidak perlu kepada penjelasan dan telah nyata bahawa kedudukan perkara yang sedemikian ini tidak kurang natijah-natijahnya yang meruntuhkan dan membawa kepada keadaan kacau-bilau, daripada perkara yang pertama tadi.

Ketiga – akan diwajibkan di suami supaya tunduk menurut kehendak isterinya yang nusyuz (yang ingkar), dan si suami itu akan dijatuhkan hukum memasuki “*bayt al-tā’ah*” rumah tangga yang wajib ditaati (atau “*bayt al-nushūz*” – rumah tangganya yang telah diingkari oleh si isteri pada mulanya). Meskipun kedudukan yang sedemikian ini tergelincir daripada letak kedudukan yang sebenar, dan bertentangan dengan dasar pembahagian hak-hak dan kewajipan yang kita jelaskan tadi, maka dia juga tidak dapat

menyelesaikan kerumitan yang dibangkit-bangkitkan oleh golongan yang membantah terhadap peraturan “*bayt al-tā’ah*” (mewajibkan isteri yang nusyuz tinggal di rumah yang disediakan oleh suaminya), dan tidak dapat melaksanakan sesuatu yang mereka bercita-cita hendak melaksanakannya kerana perempuan yang nusyuz (yang ingkar) itu tidak suka bersekududukan dengan suaminya.

Oleh itu, nyatalah sekarang bahawa tidak ada bezanya, dari segi pandangan isteri yang nusyuz itu, di antara perbuatan mewajibkannya pergi kepada suaminya atau mewajibkan si suami pergi kepadanya. Kedua-dua hal ini memaksanya untuk menerima perkara yang tidak disukainya.

#### ***Radd kita atas tuduhan-tuduhan setengah orang terhadap Islam mengenai mauduk ini***

Ada setengah-setengah orang menuduh bahawa Islam tidak memaksa perempuan yang nusyuz supaya kembali kepada suaminya, tetapi dalam hal yang seperti ini Islam hanya mewajibkan supaya keduanya berpisah. Mereka mengemukakan dalil atas apa yang mereka katakan itu, dari dua kisah yang tersebut di dalam kitab hadith *Ṣaḥīḥ Bukhārī* dan lain-lain kitab hadith. Salah satu kisah di antaranya khas mengenai Barīrah hamba perempuan Sītī ‘Ā’ishah, dan kisah yang satu lagi mengenai isteri Thābit bin Qays. Sedang kedua-dua kisah itu tidak ada sebarang keterangan yang dapat dijadikan dalil untuk menyokong apa yang mereka katakan itu.

Adapun kisah Barīrah, kesimpulannya ialah bahawa tuannya telah mengahwinkannya ketika ia masih menjadi hamba dengan seorang hamba lelaki, bernama Mughīth. Apabila Barīrah dibeli oleh Sītī ‘Ā’ishah lalu

dimerdekakannya maka ia pun disuruh memilih antara tinggal bersekedudukan dengan suaminya yang masih menjadi hamba atau berpisah iaitu bersuaian dengan dasar Islam yang memberikan hak kepada hamba perempuan yang bersuami untuk memilih setelah ia dimerdekakan, untuk tinggal di tangan suaminya atau bercerai dengannya, kerana lazimnya perempuan yang merdeka akan menjadi ejekan dan buah mulut orang ramai jika ia masih tinggal bersuamikan seorang hamba abdi. Barīrah pun memilih: Bercerai dengan Mughīth. Dengan pilihannya itu akad nikahnya pun difasakhkan (dibatalkan). Melihat Mughīth masih cintakan jandanya – Barīrah – dan selalu merayu-rayu, Rasulullah terharu dan berasa kasihan lalu baginda meminta Barīrah supaya diakadkan nikahnya semula dengan bekas suaminya, tetapi Barīrah enggan menerima, Nabi pun tidak memaksanya. Kerana perempuan yang merdeka, yang sudah baligh tidak sah nikahnya melainkan dengan persetujuannya.

Di bawah ini ialah nas hadith yang menyebutkan kisah ini, yang terkandung di dalam kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* di bawah dua tajuk: “Perbuatan menjual hamba perempuan tidak menjadi talak” dan “Pemilihan hamba perempuan yang masih bersuamikan hamba lelaki”. Hadith-hadith itu seperti berikut:

***‘An ‘Ā’ishah qālat: “Kānat fī Barīrata thalāthu sunan: ihdā al-sunani annahā u‘tiqat fa khuyyirat fī zawjihā . . .”***

Ertinya: Daripada ‘Ā’ishah katanya: “Adalah pada Barīrah tiga perkara yang telah menjadi amalan dan ikutan: salah satu bahawa ia telah dimerdekakan lalu disuruh memilih tentang suaminya. . . .”

(Dua perkara lagi yang terkandung di dalam hadith ini kita tidak turunkan di sini kerana tidak ada sangkut pautnya dengan mauduk kita – Penyusun).

Hadith yang kedua pula ialah:

***Wa ‘an Ibnī ‘Abbāsu qāla: “Kāna zawju Barīrata ‘abdan yuqālu lahu Mugīth; ka annī anzuru ilayhi yaṭūfu khalfahā yabkī wa dumū‘uhu tasīlu ‘alā liḥyatīhi. Fa qāla al-nabiyyu ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam li ‘Abbās: Yā ‘Abbāsu alā ta‘jabu min ḥubbi Mughīthin Barīrata wa min bugḥdī Barīrata Mughīthan?! Fa qāla al-nabiyyu ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam: Law rāja‘tīhi! Qālat: Yā Rasūlu Allāhi ata‘muruntī? Qāla: Innamā ashfa‘. Qālat: Fa lā ḥājata lī fīhi.”***

Ertinya: Dan daripada Ibn ‘Abbās, katanya: “Suami Barīrah itu seorang hamba bernama Mughīth; seolah-olah aku lihat dia berjalan menurutnya sambil menangis dan air matanya meleleh atas janggutnya. Nabi ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam pun bersabda kepada ‘Abbās: Ya ‘Abbās tidakkah berasa takjub tentang kasih sayang Mughīth kepada Barīrah, dan benci Barīrah kepada Mughīth? Maka Nabi ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam pun bersabda (kepada Barīrah): Apa kata kalau engkau rujuk kepadanya! Barīrah berkata: Ya Rasulullah, adakah tuan (bermaksud) memerintahkan (memaksakan) saya? Nabi bersabda: Aku hanya meminta kepadamu (dengan menggunakan jasa baik). Barīrah berkata: Saya tidak berhajat kepadanya.”

Jelasnya, Barīrah bukan seorang isteri yang nusyuz (ingkar) terhadap suaminya, sehingga kisahnya dijadikan dalil atau bukti yang menunjukkan bahawa perempuan yang musyuz itu tidak boleh dipaksa supaya taat kepada suaminya. Tetapi Barīrah hanya seorang perempuan yang telah selesai difasakhkan (dibatalkan) akad nikahnya, dan dikehendaki supaya dia bersetuju

nikah semula dengan bekas suaminya, dengan akad nikah yang baharu. Sedang perempuan yang merdeka yang telah baligh tidak terikat akad nikahnya melainkan dengan persetujuannya.

Tentang kisah isteri Thābit pula, kesimpulannya bahawa ia tidak sanggup bersekedudukan dengan suaminya dan sebabnya tidak dinyatakan. Barangkali perkara yang menjadi sebab itu bersangkutan dengan hubungan suami isteri dalam urusannya yang utama sekali, kerana si isteri telah menyatakan bahawa ia tidak menyalahkan suaminya dalam perkara-perkara yang mengenai akhlak atau agama, dan ia berasa bimbang jika ia masih tinggal menjadi isterinya ia harus akan terpesona pada agamanya. Dengan itu, katanya, ia akan melanggar perintah agama yang telah ditetapkan Allah, dan ia tidak dapat menunaikan kewajipan-kewajipan yang ditanggung terhadap suaminya. Ia pun membentangkan perkaranya kepada Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*, lalu baginda, setelah perkara itu diselidiki, didapati ada baiknya jika keduanya itu dipisahkan. Baginda pun meminta supaya ia beralah tidak menyentuh mas kahwinnya yang diberikan oleh suaminya dahulu, dan si suami pula telah bersetuju menjatuhkan talaknya atas ketetapan yang tersebut. Keduanya pun bercerai dengan cara cerai khuluk yang diakui oleh Allah *‘Azza wa Jalla* di dalam al-Qur’ān:

*“Wa lā yaḥillu lakum an ta’kudhū mim mā aṭaytumūhunna shay’an illā an yakhāfā allā yuqīmā ḥudūda Allāhi fa in khiftum allā yuqīmā ḥudūda Allāhi fa lā junāḥa ‘alayhimā fī mā iftadat bih; tilka ḥudūda Allāhi fa lā ta’tadūhā, wa man yata’adda ḥudūda Allāhi fa ulā’ika humu al-ẓālimūna.”*

Ertinya: “Dan tidak halal kamu mengambil balik sesuatu daripada apa yang kamu telah berikan kepada mereka

(perempuan), kecuali jika mereka (suami isteri itu) takut bahawa mereka tidak akan dapat lagi memelihara had-had (perintah-perintah yang telah ditetapkan) Allah. Jika kamu takut bahawa mereka tidak dapat memelihara (perintah yang telah ditetapkan) Allah maka tidaklah menjadi salah bagi mereka berdua tentang apa yang isteri itu berikan untuk menebus diri. Demikianlah had-had (perintah) Allah, maka janganlah kamu melanggarnya, dan barangsiapa yang melanggar had-had (perintah) Allah, maka mereka itu ialah orang-orang yang zalim.”

Kisah isteri Thābit bin Qays yang tersebut di dalam hadīth Bukhārī pula ialah seperti berikut:

*‘An Ibn ‘Abbās, raḍiya Allāhu ‘anhumā, anna imra’ata Thābiti bni Qaysin bin Shammāsini atati al-nabiyya ṣallā Allāhu alayhi wa sallam fa qālat: Yā Rasūl Allāh, Thābitu bnu Qaysin lā a’tab ‘alayhi fī khuluqin wa lā dīnin alā annī akhāfu al-kufr. Fa qāla Rasūlu Allāhi ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam: “Ataruddīna ‘alayh ḥadīqatah?” Qālat: Na’am. Qāla Rasūlu Allāhi ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam: Iqbal al-ḥadīqata wa ṭalliqhā taṭliqah.”*

Ertinya: Daripada Ibn ‘Abbās, *raḍiya Allāhu ‘anhā*, bahawa isteri Thābit bin Qays bin Shimās telah datang mendapatkan Nabi *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* lalu berkata: Ya Rasulullah, Thābit bin Qays, saya tidak menyalahkannya dalam perkara akhlak dan tidak juga dalam perkara agama. Tetapi saya takut akan perkara yang membawa kepada kufur. Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* pun bersabda: “Mahukah engkau kembalikan kebunnya kepadanya?” Ia menjawab: Ya. Maka Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* pun bersabda (kepada Thābit bin Qays): “Terimalah kebun itu dan jatuhkanlah talaknya dengan talak satu.”

Tak payah diberi penjelasan, kerana telah nyata bahawa

perintah yang tersebut di dalam hadith ini, yang terkandung dalam sabda Nabi kepada suami perempuan itu, yang berbunyi: “Terimalah kebun dan jatuhkan talaknya dengan talak satu”, ialah perintah yang hanya menasihati bukan memaksa. Buktinya bahawa baginda telah menjadikan talak di tangan si suami itu dan menawarkan ganti rugi kepadanya, serta menjadikan perceraian mereka berdua bergantung kepada persetujuannya (si suami itu).

Tidak ada di dalam hadith ini sesuatu yang menunjukkan supaya si suami hendaklah dipaksa untuk menceraikan isterinya yang telah nusyuz, dan tidak ada pula sesuatu yang mengharuskan supaya keduanya diceraikan dengan perintah hakim (Mahkamah Syariah).

Benar, Islam mengharuskan perceraian di antara dua suami isteri dengan perintah hakim Mahkamah Syariah apabila si isteri mengadu kepadanya akan perbuatan suaminya yang menyakiti dan membahayakannya, atau kerana suaminya cuai tidak memberikan haknya menurut yang semestinya, atau kerana ia (si suami) tidak mampu menunaikannya, dan telah sabit pengaduan si isteri itu (\*). Tetapi ini ialah satu perkara yang lain daripada perbuatan nusyuz seorang isteri yang dilakukan semata-mata kerana nusyuz (ingkar) dan kerana benci tinggal serumah dengan suaminya.

– Bersambung

(\*). Ini ialah menurut Imam Mālik, dan telah pun diamalkan oleh undang-undang negeri Mesir tahun 1920.



*Enam belas orang wakil dari Sabah dan Sarawak yang telah melawat Persekutuan Tanah Melayu baharu-baharu ini telah sempat mengadap Sultan Selangor di Istana Alam Shah Klang. Gambar menunjukkan wakil-wakil itu sedang melihat mahkota-mahkota diraja di bilik pertunjukan istana.*